



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 7/2023**

Inflasi Mereda dan Pasaran Buruh Bertambah Baik: Tinjauan Positif bagi Ekonomi Malaysia

PUTRAJAYA, 27 JULAI 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 7/2023**. Edisi kali ini memfokuskan statistik terkini yang dikeluarkan pada Mei 2023 dan beberapa statistik akan datang bagi bulan Jun 2023. Edisi ini turut memaparkan artikel bertajuk “Kajian Hubungan Kadar Pertukaran Matawang Terhadap Nilai Import Eksport” yang mengkaji hubungan antara dua pemboleh ubah dengan menggunakan statistik deskriptif serta menentukan magnitud dan arah perkaitan antara pemboleh ubah dengan menggunakan analisis korelasi.

Menelusuri senario ekonomi negara pada Mei 2023, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia telah mengalami pemulihan signifikan dengan merekodkan pertumbuhan positif 4.7 peratus. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding negatif 3.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh peningkatan positif merentas semua sektor, dengan Pembuatan, Perlombongan dan Elektrik masing-masing mencatatkan kadar pertumbuhan 5.1 peratus (April 2023: -3.0%), 2.9 peratus (April 2023: -4.9%) dan 5.0 peratus (April 2023: -2.0%). Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia mencatatkan pemulihan kukuh pada Mei 2023, mencapai RM146.8 bilion, meningkat 3.3 peratus (April 2023: -2.0%). Pemulihan tersebut disokong terutamanya oleh pertumbuhan mampan dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain yang meningkat 17.3 peratus.

Nilai jualan sektor Perdagangan Borong & Runcit di Malaysia merekodkan peningkatan 6.6 peratus pada bulan Mei 2023 berbanding tahun sebelumnya dengan mencatatkan RM138.0 bilion. Subsektor Kenderaan bermotor menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan dengan peningkatan sebanyak 22.0 peratus, mencecah RM17.0 bilion. Subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong masing-masing turut berkembang sebanyak 5.0 peratus dan 4.4 peratus iaitu berjumlah RM2.8 bilion dan RM2.6 bilion.

Melihat kepada perspektif harga, kadar inflasi Malaysia mereda pada Mei 2023 daripada 3.3 peratus pada April kepada 2.8 peratus. Ini disumbangkan oleh peningkatan perlahan bagi beberapa kumpulan seperti Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 5.9 peratus (April 2023: 6.3%); dan Pengangkutan, 1.0 peratus (April 2023: 2.3%). Pada Jun 2023, inflasi terus mereda kepada kadar terendah dalam tempoh separuh pertama tahun 2023, menjadikannya angka terendah baharu iaitu 2.4 peratus. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia mencatatkan negatif 4.6 peratus pada Mei 2023, daripada negatif 3.0 peratus pada April 2023. Ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam Pertanian, perhutanan & perikanan (-27.2%), Perlombongan (-10.7%) dan Pembuatan (-1.1%). Pada Jun 2023, IHPR terus menyusut kepada negatif 4.8 peratus.

Dari segi perdagangan, jumlah dagangan barangan Malaysia menurun 2.0 peratus pada Mei 2023, daripada RM228.3 bilion pada Mei 2022 kepada RM223.8 bilion. Ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam kedua-dua eksport dan import. Eksport merosot 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import jatuh 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, lebih dagangan meningkat sebanyak 21.4 peratus tahun ke tahun kepada RM15.4 bilion, berikutan eksport merosot pada kadar yang lebih perlahan berbanding import. Pada Jun 2023, jumlah dagangan menguncup 16.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, daripada RM265.4 bilion kepada RM222.1 bilion. Tambahan lagi, eksport mencatatkan nilai RM124.0 bilion, manakala import berjumlah RM98.2 bilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM25.8 bilion.

Menyingkap perkembangan positif, pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada Mei 2023, dengan penduduk pekerja meningkat sebanyak 2.4 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan 16.28 juta orang. Ini turut ditambah dengan peningkatan nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menaik kepada 67.6 peratus daripada 66.8 peratus pada tahun sebelumnya. Keseluruhan tenaga buruh juga meningkat sebanyak 2.0 peratus tahun ke tahun kepada 16.86 juta orang. Hasilnya, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) menokok sebanyak 0.5 mata peratus, mencecah 70.0 peratus, manakala kadar pengangguran menyaksikan penurunan 0.4 peratus dengan merekodkan 3.5 peratus pada Mei 2023.

Indeks Pelopor (IP) menunjukkan pertumbuhan negatif 1.1 peratus, mencecah 110.3 mata pada Mei 2023, walaupun merekodkan prestasi yang lebih baik (April 2023: -2.7%). Berdasarkan prestasi bulanan, IP memulih 1.8 peratus pada Mei 2023 berbanding negatif 1.6 peratus pada bulan lalu. Di sebalik berhadapan dengan cabaran situasi ekonomi global, ekonomi Malaysia dijangka mempamerkan prestasi yang menggalakkan dalam beberapa bulan akan datang. Permintaan dalam negeri yang kukuh telah membantu mengekalkan prestasi pasaran buruh dan meningkatkan perbelanjaan pengguna.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 JULAI 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 7/2023**

***Inflation Eases and Labour Market Improves: A Positive Outlook for
Malaysia's Economy***

PUTRAJAYA, 27TH JULY 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 7/2023. This edition focuses on the recent statistics released in May 2023 and some forthcoming statistics for June 2023. This edition also features an article titled "Study on the Relationship Between Currency Exchange Rates and Export-Import Value" which looks into the relationship between the two variables using descriptive statistics as well as determine the magnitude and direction of the variables by adopting correlation analysis.

Observing the country's economic situation in May 2023, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) experienced a significant rebound, showing a positive growth of 4.7 per cent. This was a noteworthy improvement compared to the negative 3.3 per cent registered in the previous month. The growth was mainly driven by positive increases across all sectors, with Manufacturing, Mining and Electricity recording growth rates of 5.1 per cent (April 2023: -3.0%), 2.9 per cent (April 2023: -4.9%) and 5.0 per cent (April 2023: -2.0%), respectively. At the same time, Malaysia's Manufacturing sector saw a strong recovery in sales value in May 2023, reaching RM146.8 billion, up 3.3 per cent (April 2023: -2.0%). The revive was mainly driven by the robust growth in the Transport equipment and other manufactures sub-sector, which grew by 17.3 per cent.

The Wholesale & Retail Trade sector in Malaysia saw a 6.6 per cent increase in monthly sales in May 2023 as compared to the previous year, registering RM138.0 billion. Motor vehicles sub-sector contributed significantly to the growth which rose by 22.0 per cent, reaching RM17.0 billion. Retail trade and Wholesale Trade sub-sectors also grew 5.0 per cent and 4.4 per cent respectively, amounting to RM2.8 billion and RM2.6 billion respectively.

Looking at the prices perspective, Malaysia's inflation rate eased in May 2023, from 3.3 per cent in April to 2.8 per cent. This was contributed by a slower increase in some groups such as Food & Non-Alcoholic Beverages, 5.9 per cent (April 2023: 6.3%) and Transport, 1.0 per cent (April 2023: 2.3%). In June 2023, inflation ease further to its lowest rate in the first half of 2023, marking a new low of 2.4 per cent. Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) recorded negative 4.6 per cent in May 2023, from negative 3.0 per cent in April 2023. This was driven by declines in Agriculture, forestry & fishing (-27.2%), Mining (-10.7%) and Manufacturing (-1.1%). In June 2023, PPI fell further to negative 4.8 per cent.

On the trade front, Malaysia's total merchandise trade decreased by 2.0 per cent in May 2023, from RM228.3 billion in May 2022 to RM223.8 billion. This was due to declines in both exports and imports. Exports decreased by 0.7 per cent to RM119.6 billion, while imports declined by 3.3 per cent to RM104.2 billion as compared to the same month last year. However, the trade surplus increased by 21.4 per cent year-on-year to RM15.4 billion, as exports declined at a slower pace than imports. In June 2023, the total trade dropped 16.3 per cent as against the previous year, from RM265.4 billion to RM222.1 billion. In which, exports posted a value of RM124.0 billion, while imports worth RM98.2 billion, resulting in a trade surplus of RM25.8 billion.

On a positive note, the Malaysian labour market continued to improve in May 2023, with the number of employed persons increasing by 2.4 per cent year-on-year to 16.28 million persons. This was accompanied by an increase in the employment-to-population ratio, which rose to 67.6 per cent from 66.8 per cent in the previous year. The overall labour force also increased by 2.0 per cent year-on-year to 16.86 million. As a result, the labour force participation rate (LFPR) rose by 0.5 percentage points, reaching 70.0 per cent, while the unemployment rate saw a decrease of 0.4 per cent, settling at 3.5 per cent in May 2023.

The Leading Index (LI) exhibited a negative growth of 1.1 per cent, reaching 110.3 points in May 2023, albeit at a better performance (April 2023: -2.7%). In view of monthly performance, the LI rebounded 1.8 per cent in May 2023 as against negative 1.6 per cent in last month. Despite the challenges posed by the global economic situation, Malaysia's economy is anticipated to display encouraging vibes in the coming months. Robust domestic demand has assisted to sustain the labour market and increase consumer expenditure.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 JULY 2023**